

RINGKASAN KEPUTUSAN RAYUAN

NO. RAYUAN TRK (K) 2-2009

FAKTA KES

1. Pada tahun 2008 Perayu telah pergi belajar di Jepun. Semasa di Jepun, Perayu telah membeli sebuah kereta Toyota Estima keluaran tahun 2001. Apabila tamat belajar Perayu telah kembali ke Malaysia. Perayu telah membawa masuk keretanya melalui Pelabuhan Pulau Pinang pada bulan Oktober 2008 dan dikenakan duti import sebanyak RM33,283.40 setelah diberi pengurangan nilai kenderaan sebanyak 10%. Perayu tidak berpuas hati dengan keputusan Ketua Pengarah Kastam kerana kawannya yang sama-sama belajar di Jepun dan membawa balik kenderaan dari jenis dan tahun yang sama melalui Pelabuhan Kelang telah diberi pengurangan nilai kenderaan sebanyak 30%.
2. Perayu telah memfailkan Notis Rayuan di Tribunal Rayuan Kastam pada 29 Julai 2009.

ISU

Sama ada Perayu berhak diberi pengurangan nilai kenderaan sebanyak 30% sama seperti yang diberikan kepada kawan Perayu.

(Selepas rayuan difailkan pihak-pihak telah menjalani proses rundingan penyelesaian sepertimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 141P Akta Kastam 1967 tetapi gagal. Pada tarikh pendengaran Perayu tidak hadir tetapi Responden hadir)

KEPUTUSAN

Rayuan dibatalkan.

5 Januari 2010